

E-MEL TIDAK RASMI

(E-mel balas)

Daripada	ariannajasni@gmail.com
Kepada	zackkirana@gmail.com
Perkara	Ucapan Terima Kasih atas Penghargaan

Menemui sahabatku, Zack Kirana yang jauh di mata tetapi dekat di hati. Terima kasih atas e-mel yang dikirimkan kepada saya semalam. Saya di sini berada dalam keadaan kurang sihat sedikit akibat kemalangan kecil. Semoga saudara dapat mendoakan kesihatan saya.

Saudari,

Benar, sekolah saya telah mengadakan pertandingan merentas desa baru-baru ini. Saudari sedia maklum bahawa saya telah menjuarai acara tersebut. Terima kasih atas ucapan tahniah yang dicoretkan oleh saudara. Tidak dapat saya nafikan bahawa pertandingan itu telah memberikan pelbagai manfaat kepada peserta termasuklah saya. Saya tidak keberatan berkongsi manfaat-manfaatnya dengan saudara.

Manfaat utama yang telah saya peroleh ialah saya dapat menyihatkan tubuh badan. Bagi pelajar seperti kita yang sememangnya sibuk dengan pelajaran, acara ini telah membuka ruang kepada saya untuk menggerakkan fizikal secara optimum. Peluh yang keluar daripada badan membuatkan saya terasa lebih segar terutamanya sehari selepas acara tersebut berlangsung. Benarlah kata pepatah iaitu badan cergas, minda cerdas.

Saudari,

Acara ini juga telah merapatkan lagi hubungan saya dengan rakan-rakan. Setelah sekian lama pelaksanaan Pengajaran dan Pengajaran dari Rumah (PdPr), akhirnya kami semua dapat bersatu kembali dalam satu program secara bersemuka. Walaupun Prosedur Operasi Standard (SOP) masih ketat, sekurang-kurangnya saya dapat melihat wajah ceria setiap seorang rakan yang ada. Kami sempat mengucapkan rasa kerinduan antara satu sama lain. Bukan itu sahaja, saya juga berasa sangat seronok kerana rakan-rakan memberikan tepukan gemuruh ketika saya menerima pingat di atas pentas.

Sampai di sini sahaja coretan e-mel saya buat saudara. Saya berharap saudara turut berasa seronok membaca pengalaman saya itu. Semoga saudara tidak lupa untuk menyertai acara sedemikian jika dianjurkan oleh sekolah saudara. Kita pasti akan berjumpa lagi dalam kiriman e-mel pada masa akan datang. Sekian. Terima kasih.

Sahabatmu,

Arianna